

Soalan 3

Dalam petikan 1, terdapat lima kesalahan bahasa manakala petikan 2 terdapat enam kesalahan bahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap petikan anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada jumlah kesalahan yang dinyatakan dalam arahan soalan. Anda tidak perlu menyalin petikan-petikan tersebut.

Petikan 1

Remaja boleh menampung perbelanjaan kehidupan harian sebagai pelajar dengan menjalankan kegiatan yang dapat menjanakan pendapatan sampingan secara kecil-kecilan. Sebagai contoh, pelajar institusi pengajian tinggi yang layak mendapat kat debit pelajar berjumlah RM250 yang menggantikan Baucer Buku 1 Malaysia boleh meringankan beban pembelian buku dan alat tulis. Selain itu, remaja juga boleh bekerja secara sambilan selepas kelas tamat atau ketika cuti semester.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Pengurusan Kewangan Remaja',
Dewan Siswa, Mac 2017

[5 markah]

Petikan 2

Beberapa negeri-negeri sudah bersiap sedia untuk menghadapi banjir yang dijangka akan berlaku lebih awal tahun ini. Kedah dan Kelantan sudah bersedia dengan segala kelengkapan dan eset untuk berdepan risiko banjir. Tindakan ini disokong oleh kenyataan yang dibuat oleh Jabatan Meteorology yang menjangkakan bahawa berkemungkinan banjir berlaku lebih awal. Realitinya, beberapa kawasan di Kedah sekarang sering berlaku hujan lebat. Oleh itu, petugas-petugas yang berpengalaman dengan banjir mesti diarahkan lebih awal kerana banjir yang berlaku boleh menyebabkan kehilangan nyawa.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Persediaan Awal Hadapi Banjir',
Utusan Malaysia, 18 Oktober 2016

 **LIVEWORKSHEETS**

[6 markah]